

PM sifatkan dunia seni negara kehilangan sebutir bintang

BA - 25/10/2021

mls: 16

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan dunia seni negara kehilangan sebutir bintang dengan pemergian pengarah filem, Allahyarham Mamat Khalid semalam.

Menerusi catatan di Facebook, Perdana Menteri berkata, Allahyarham antara penerbit dan pengarah tersohor tanah air serta disegani dalam dunia perfileman negara.

“Takziah kepada seluruh keluarga Allahyarham dan peng-

giat seni tanah air di atas kehilangan ini. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat Allah SWT dan ditempatkan bersama mereka yang beriman serta beramal soleh,” katanya.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Sadique pula menyifatkan Allahyarham seorang wira yang turut memperjuangkan agenda perpaduan melalui karya filem dan menjadi tontonan pelbagai kaum serta peringkat usia.

Beliau berkata, Allahyarham Mamat Khalid meninggalkan legasi indah dengan menghantar pelbagai mesej perpaduan kaum di dalam karya besarnya.

“Allahyarham adalah insan seni yang hebat apabila turut membantu memberikan sumbangan tidak ternilai kepada negara melalui karya seninya dan patut dicontohi. Karya seni adalah suatu medium yang dapat dijadikan sebagai platform penyatuan bangsa dan kaum di negara ini,” katanya.

Melihat persamaan Mamat dan Allahyarham Tan Sri P Ramlee yang meninggalkan legasi seni sehingga berdekad lamanya, beliau berkata, keindahan karya pengarah filem adalah apabila ia menjadi tontonan seluruh masyarakat pelbagai kaum, selain menghantar mesej positif yang diterima sehingga melangkaui zaman.

Di Ipoh, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu menyifatkan pemergian pengarah terkenal itu yang

dianggap seperti abang kandung sebagai kehilangan besar bagi dirinya kerana mereka membesar bersama di Kampung Sungai Rokam.

“Saya sangat sedih dan dukacita apabila mendapat berita kematian Mamat Khalid yang sudah saya anggap seperti abang sendiri. Saya membesar di Kampung Sungai Rokam bersama Allahyarham dan sangat rapat dengan keluarga arwah termasuk isterinya,” katanya.